



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/08/52 (HQ)

TNB BERJAYA MEMULIHAKAN LEBIH 50% BEKALAN DI KAWASAN YANG TERLIBAT DALAM RIBUT DI UTARA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memulihkan 650 aduan bekalan elektrik di kawasan negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang yang mengalami gangguan bekalan susulan ribut tropika yang membadaai bahagian utara semenanjung pada malam, semalam.

Kerja-kerja membaik pulih sistem bekalan telah dilakukan secara berperingkat seawal 8:27 malam terutamanya di kawasan yang melibatkan keselamatan orang awam.

Kerja-kerja sedang dan masih giat dilakukan dalam memastikan semua 1,595 aduan itu mendapat bekalan.

TNB juga menasihati orang ramai untuk mengambil langkah-langkah keselamatan elektrik dengan tidak menyentuh mana-mana wayar elektrik yang terjatuh atau tergantung bagi mengelakkan daripada berlakunya kejadian renjatan elektrik.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 10 Ogos 2019, jam 12:00 tengah hari

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my